

# Dr M setuju jumpa Pak Lah

BH - 18/10/2006

## MT harap PM, bekas PM dapat bertemu, berbincang selesai perselisihan

Oleh Johari Ibrahim

**L**ANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk menemui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi berbincang mengenai apa yang beliau sifatkan sebagai masalah dalam pentadbiran.

Dr Mahathir berkata, cadangan mengenai pertemuan itu dikemukakan Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak), baru-baru ini dan beliau bersetuju dengannya.

Bagaimanapun, katanya, pertemuan itu bergantung kepada kelapangan Perdana Menteri yang beliau faham mempunyai banyak tugas.

"Mubarak cadang saya jumpa Perdana Menteri dan cerita apa yang terbuka dalam hati dan saya setuju. Cuma tinggal masa sajalah," katanya kepada pemberita selepas menemui tujuh ulama dan guru agama dari Selatan Thailand.

Turut hadir Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib dan Konsul Kehormat Thailand di sini, Datuk Shazryl Eskay Abdullah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, minggu lalu dilaporkan berkata ada kemungkinan Dr Mahathir dan Abdullah akan bertemu pada Ramadan yang mulia ini.

Katanya, ini berikutan ramai ahli Majlis Tertinggi (MT) berharap Perdana Menteri dan Dr Mahathir dapat bertemu untuk berbincang bagi menyelesaikan perselisihan antara mereka.

Ditanya sama ada pertemuan itu boleh menghentikan pelbagai isu berbangkit antara beliau dan pentadbiran Abdullah, Dr Mahathir berkata, beliau akan mengemukakan semua perkara yang disifatkan sebagai masalah dan selepas itu akan menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Mengenai Selatan Thailand, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pertubuhan Perdana Keamanan Global

berkata, pihaknya akan membantu membina sebuah masjid di Kampung Pasir Jawa Saiburi, Pattani, sebagai sumbangan awal kepada masyarakat Islam Selatan Thailand.

Beliau berkata, masjid yang akan dinamakan Masjid Aman itu akan menggunakan dana yang dikutip daripada rakyat Malaysia.

Dr Mahathir berkata, dalam pertemuan dengan pemimpin masyarakat dan agama dari wilayah berkenaan beliau mendapati mereka hanya menekankan kepada peluang pendidikan, pekerjaan dan ekonomi yang lebih baik daripada Kerajaan Thailand.

Malah, katanya, masyarakat Islam

Thailand juga dibelenggu masalah penagihan dadah di kalangan remajanya.

"Kita boleh membantu dengan memberi bantuan pendidikan teknikal. Kita juga menasihatkan mereka menjalankan tanggungjawab sebagai warga Thailand secara bekerjasama dengan kerajaan mereka dan mengelak keganasan," katanya.

Dr Mahathir juga berharap Kerajaan Thai berdialog dengan pemimpin masyarakat di Selatan Thailand bagi menyelesaikan masalah di wilayah berkenaan.

"Pelan (keamanan) sudah ada dan kalau Kerajaan Thailand mahu mereka boleh teruskan," katanya.